

BAB 5

KESIMPULAN DAN RUMUSAN

5.1 Pengenalan

Di dalam bab ini, pengkaji akan membuat rumusan tentang analisis kajian dan mengemukakan beberapa cadangan yang sesuai.

Kajian ini adalah untuk mengkaji persepsi guru pelatih tentang ciri-ciri pensyarah yang ideal di Maktab Perguruan Seri Kota, Kuala Lumpur.

Khususnya kajian ini adalah bertujuan untuk menjawab soalan-soalan berikut...

- a) Apakah cara penyampaian kuliah oleh pensyarah di bilik kuliah yang dianggap ideal?

- b) Apakah tindakan-tindakan yang harus diambil oleh pensyarah dalam pengurusan bilik kuliah supaya pengajaran-pemelajaran dapat berjalan dengan berkesan?

- c) Apakah jenis aktiviti dan jenis tugas kerja kursus yang patut dikendalikan oleh pensyarah?

- d) Apakah sifat-sifat peribadi pensyarah yang disukai oleh guru pelatih?

- e) Apakah bentuk hubungan antara guru pelatih dengan pensyarah yang diingini di dalam dan di luar bilik kuliah?
- f) Adakah terdapat perbezaan persepsi terhadap ciri pensyarah yang ideal antara guru pelatih lelaki dengan guru pelatih perempuan?
- g) Adakah terdapat perbezaan persepsi terhadap pensyarah yang ideal antara guru pelatih jurusan sastera dengan guru pelatih jurusan sains?
- h) Adakah terdapat perbezaan persepsi terhadap pensyarah yang ideal antara guru pelatih berkelayakan SPM dengan guru pelatih berkelayakan STPM?

5.2 Dapatan Dan Perbincangan

Dapatan daripada kajian ini disampaikan mengikut soalan penyelidikan.

5.2.1 Apakah Cara Penyampaian Kuliah Oleh Pensyarah Di Bilik Kuliah Yang Dianggap Ideal?

Hasil kajian menunjukkan bahawa pensyarah yang dapat memikat perhatian guru pelatih pada permulaan kuliah mendapat sambutan yang tertinggi (96.7%). Induksi sambutan yang sesuai patut disediakan setiap kali pada permulaan kuliah untuk menarik perhatian para guru pelatih.

Seseorang pensyarah juga mestilah mahir dalam teknik mengemukakan soalan dan soalan-soalan tersebut mestilah dapat mencetuskan pemikiran guru pelatih. Soalan-soalan yang dikemukakan seboleh-bolehnya mengikut tahap-tahap yang disarankan oleh Bloom kerana hampir semua (94.4%) guru pelatih menganggap soalan-soalan yang dapat mencetuskan pemikiran sebagai penting dan amat penting.

Tujuan kuliah adalah untuk memberi keterangan kepada guru pelatih tentang sesuatu perkara atau topik. Adalah menjadi tanggungjawab pensyarah menggalakkan guru pelatih menyoal apabila mereka kurang faham tentang sesuatu perkara semasa beliau berkuliah. Hal ini adalah untuk memastikan setiap guru pelatih faham tentang perkara yang telah dikuliahan.

Ramai (94.4%) guru pelatih juga menganggap penting dan amat penting bahawa pensyarah memerhatikan pembentangan/laporan/projek/tugasan kerja kursus oleh kumpulan tertentu pada masa kuliah. Pada ketika pembentangan itu, pensyarah dapat membetulkan sebarang kesilapan semasa pembentangan. Guru pelatih berasa lebih terbimbing dan keadaan disiplin terkawal jika seorang pensyarah berada di samping mereka.

Pensyarah yang cekap berkomunikasi di bilik kuliah merupakan suatu kelebihan. Pensyarah tidak perlu menggunakan bahasa tinggi dan kosa kata yang kompleks tetapi tidak boleh berbahasa dengan lancar. Pensyarah yang menggunakan bahasa yang mudah dan lancar semasa berkuliah dianggap penting oleh kebanyakan (93.3%) guru pelatih.

Pensyarah yang berkesan semasa berkuliah ialah pensyarah yang dapat mengaitkan sesuatu teori dan konsep pendidikan dengan kehidupan harian guru pelatih. Penerangan teori dan konsep tanpa contoh dan perkaitan dengan amalan di bilik darjah tidak membawa makna kepada guru pelatih. Pensyarah juga boleh menghidupkan lagi kuliahnya dengan menyelitkan humor pada ketika-ketika yang sesuai untuk menghilangkan rasa bosan guru pelatih. Pada penghujung kuliahnya, pensyarah bolehlah membuat kesimpulan dengan mengulangkan isi-isi penting.

Satu dapatan yang agak menghairankan adalah persepsi terhadap penggunaan alat bantuan mengajar oleh pensyarah ketika menyampaikan kuliah, kurang sedikit daripada tiga suku (71%) guru pelatih sahaja menganggap penggunaan alat bantuan mengajar sebagai satu ciri penyampaian kuliah yang ideal.

Kajian ini juga menunjukkan hampir semua guru pelatih sentiasa mengamalkan berat dan bersifat serius tentang aspek kuliah. Mereka menghadiri kuliah untuk mendapatkan ilmu agar ilmu ini dapat membantu mereka dalam pengajaran dan kerjaya mereka kelak. Oleh demikian, kita boleh menganggapkan guru pelatih bersifat serius tentang aspek kuliah.

Apabila ditanya sama ada guru pelatih Maktab Perguruan Seri Kota tertarik atau tidak kepada cara pengajaran pensyarah mereka di makkab, sedikit kurang daripada separuh (44.4% atau 40) orang subjek mengatakan mereka tidak tertarik hati dan sedikit kurang daripada separuh (44.4% atau 40) orang subjek mengatakan mereka tertarik hati, sementara 11.1% atau 10 orang subjek lagi mengatakan mereka tertarik hati dan tidak tertarik hati sel

gus. Antara sebab-sebab dinyatakan oleh mereka di dalam soal selidik (lihat lampiran 2 bahagian 6 soal selidik) ialah...

- a) pensyarah tidak bersedia sebelum berkuliah.
- b) pensyarah kurang berpengetahuan dalam bidang yang diajarkan.
- c) pengajaran berpusat kepada pensyarah.
- d) pengajaran membosankan kerana membaca terus dari buku.
- e) pensyarah bercakap tentang hal diri sendiri.
- f) pensyarah terlalu mementingkan peperiksaan.
- g) pensyarah duduk semasa berkuliah.
- h) pensyarah menceritakan perkara-perkara yang tidak berkaitan dengan kuliah.
- i) pensyarah tidak mengaplikasikan teori yang diajar semasa pengajaran.
- j) pensyarah tidak mempelbagaikan cara penyampaian kuliah.

Antara sebab-sebab mereka tertarik hati tentang cara pengajaran pensyarah pula ialah...

- a) pensyarah menyampaikan kuliah dengan berkesan dan tidak bercakap kosong.
- b) pensyarah menggunakan pelbagai teknik pengajaran.
- c) pensyarah dapat menarik perhatian pelajar semasa mengajar.

- d) kuliah senang difahami.
- e) pengajaran yang berfokuskan guru pelatih.
- f) idea-idea pensyarah boleh dipraktikkan di bilik darjah kelak.
- g) pensyarah memberi perhatian kepada pemahaman guru pelatih di bilik kuliah.
- h) pensyarah bersemangat semasa berkuliah.
- i) pensyarah bersikap serius dalam pengajaran.
- j) pensyarah menerangkan cara-cara yang sesuai untuk menyelesaikan masalah bil darjah.

Ciri-ciri di atas tidak mengikut kepentingan.

Daripada analisis ini bolehlah disimpulkan bahawa guru-guru pelajar mengkehendaki seorang pensyarah yang dapat menyampaikan kuliah dengan berkesan. Penyampaian kuliah yang berkesan ini dapat menyediakan seseorang guru pelatih dalam pengajaran mereka di bilik darjah kelak.

5.2.2 Apakah Tindakan-Tindakan Yang Harus Diambil Oleh Pensyarah Dalam Pengurusan Bilik Kuliah Supaya Pengajaran Dan Pemelajaran Dapat Berjalan Dengan Berkesan?

Hampir semua guru pelatih (97.8%) menganggap bahawa pensyarah dapat memberi arahan yang tepat dan mudah difahami di bilik kuliah sebagai satu ciri pengurusan bilik kuliah yang ideal. Arahan yang bernas di dalam bilik kuliah adalah penting kerana melalui arahanlah semua aktiviti pemelajaran boleh dijalankan dengan cekap dan tepat.

Guru pelatih juga tidak ingin membuang masa menunggu pensyarah untuk berkuliahan kerana kebanyakan guru (96.7%) menganggap pensyarah sentiasa datang tepat pada waktu kuliah sebagai ciri pengurusan bilik kuliah yang amat penting dan penting. Lagipun hanya sedikit kurang daripada tiga suku (74.4%) guru pelatih bersetuju jika pensyarah mengadakan kuliah tambahan untuk menyelesaikan tajuk kuliah yang tidak dapat diselesaikan.

Bilik kuliah yang kemas, bersih dan teratur adalah kondusif untuk pemelajaran. Oleh itu, ramai guru pelatih (92.2%) menganggap penting dan amat penting jika pensyarah memastikan guru pelatih memelihara kebersihan bilik kuliah setiap masa.

Kebanyakan guru pelatih (90%) menganggap penting dan amat penting bahawa pensyarah menuntut setiap guru pelatih menghadiri semua kuliahnya. Kehadiran semasa kuliah adalah penting kerana pada ketika itulah pensyarah menyampaikan perkara-perkara

yang mustahak. Bagaimanapun, sedikit kurang daripada tiga suku guru pelatih (72.2% menganggap penting dan amat penting jika pensyarah menjalankan kuliah di luar bilik kuliah seperti di bawah pokok. Kita sedar keadaan di luar bilik kuliah seperti di bawah pokok memanglah banyak mempunyai gangguan. Keadaan seperti bising, tempat duduk yang tidak selesa, ketidakselesaan mencatat nota dan guru pelatih menghadapi masalah mendengar kuliah pensyarah jika bilangan guru pelatih ramai.

Sebagai pendidik, amalan nilai-nilai murni di bilik kuliah penting agar amalan ini dapat disalurkan di peringkat sekolah nanti. Dapatan ini disokong atas alasan ramai guru pelatih bersetuju pensyarah sentiasa memberi salam dengan guru pelatih sebelum memulakan kuliah dan pensyarah memastikan guru pelatih sentiasa berpakaian kemas dan sesuai di bilik kuliah serta pensyarah sentiasa memberi bantuan perseorangan kepada guru pelatih yang tidak memahami kuliah.

Pensyarah yang sistematik dalam pengurusan bilik kuliah adalah dihormati kerana mereka dianggap sebagai pemimpin dan sentiasa diperhatikan oleh guru pelatih. Guru pelatih mengharapkan pensyarah dapat memberi penerangan tentang kursus yang diam oleh mereka dengan pensyarah memberi tajuk-tajuk kuliah yang akan disampaikan pada kuliah pertama. Lagipun, mereka mengharapkan pensyarah membahagikan guru pelatih kepada kumpulan kecil bagi persiapan tugas agar mereka boleh membuat perbincangan dan mengagih-agihkan tugas.

Satu dapatan yang menarik ialah lebih separuh daripada guru pelatih (62.2%

bersetuju pensyarah mengambil berat tentang tingkah laku guru di bilik kuliah tetapi kurang daripada setengah (41.1%) tidak bersetuju pensyarah mengambil tindakan serta-merta terhadap guru pelatih yang mengganggu kuliah. Pada tanggapan pengkaji, guru pelatih menganggap diri mereka telah dewasa. Jikalau mereka dimarahi atau ditegur di khalayal ramai, mereka akan berasa malu. Jadi adalah lebih berkesan pensyarah mengambil tindakai lembut terhadap guru pelatih.

Apabila pensyarah tidak dapat menyelesaikan kuliah, pensyarah mengadaka kuliah tambahan. Dalam hal ini, sedikit lebih daripada satu pertiga (35.6%) guru pelatih tida menganggap ciri ini sebagai penting dan amat penting. Rumusan ini adalah selaras dengan kajian Tan (1994) yang menyatakan guru pelatih tidak tahan mengikuti kuliah yang berlaruta dan amat terseksa apabila terdapat banyak tugas. Pada pendapat pengkaji, guru pelati mempunyai persepsi sedemikian kerana selain menghadiri kuliah, guru pelatih dikehenda menjalani latihan mengajar, membuat kerja kursus serta menghadiri pelbagai aktiviti sepe permainan, persatuan beruniform dan kursus praperkhidmatan. Dengan perkataan lain, bebas kerja mereka terlalu berat.

Kesimpulannya, guru pelatih inginkan seorang pensyarah yang dapat menguruskan bilik kuliah dengan teratur dan sistematik. Mereka menganggap pengurusan bilik kuliah yang baik dapat mewujudkan situasi yang kondusif untuk pemelajaran.

5.2.3 Apakah Jenis Aktiviti Dan Tugasan Kerja Kursus Patut Dikendalikan Oleh Pensyarah?

Semua guru pelatih (100%) inginkan pensyarah menjelaskan dengan perinci tentang sesuatu kerja kursus kepada guru pelatih. Mereka berpendapat demikian kerana mereka tidak ingin membuang masa membuat pembetulan. Tambahan pula, mereka mesti menyiapkan projek, eseи, tugasan dan kegiatan kokurikulum yang lain.

Hampir semua guru pelatih (97.8%) menganggap tugasan kerja kursus ini penting. Ini adalah berdasarkan mereka inginkan pensyarah memulangkan kembali tugas kerja kursus dan mencatatkan komen tentang kerja kursus itu. Guru pelatih mengambil masa dan tenaga yang banyak untuk menyiapkan sesuatu tugasan kerja kursus dan sememangnya mereka ingin melihat kemajuan hasil kerja mereka.

Walaupun tugasan kerja kursus ini membebankan hanya lebih sedikit daripada satu suku guru pelatih (26.7%) menganggap pensyarah tidak perlu memberi tugasan kerja kursus. Ini kerana, di maktab perguruan, guru pelatih perlu lulus dalam kerja kursus dan peperiksaan. Sekiranya mereka gagal salah satu komponen tersebut, mereka dikehendaki mengulang. Guru pelatih mesti menyelesaikan dan lulus semua tugasan kerja kursus yang diberi oleh pensyarah.

Lebih ramai guru pelatih (76.7%) inginkan tugasan kerja kurus disiapkan secara kumpulan berbanding dengan kurang sedikit daripada separuh guru pelatih (48.9%) inginkan

tugasan kerja kursus disiapkan secara individu. Hal ini berlaku kerana mereka menganggap tugas kerja kursus amatlah berat dan mereka terpaksa menyelesaikan tugas kerja kursus dalam masa yang singkat. Mereka berasa lebih lega jika bebanan tugas kerja kursus itu boleh diagih-agihkan kepada ahli-ahli kumpulan.

Hasil kajian juga menunjukkan guru pelatih inginkan tugas kerja kursus yang dapat membantu mereka dalam pengajaran di bilik darjah kelak berbanding kerja kursus yang berorientasikan peperiksaan. Walau bagaimanapun lebih daripada tiga suku guru pelatih (80.0%) berpendapat soalan-soalan peperiksaan seboleh-bolehnya berkaitan dengan tugas kerja kursus kerana sememangnya kursus yang diikuti oleh mereka di maktab perguruan itu berorientasikan peperiksaan. Guru pelatih takut untuk menghadapi peperiksaan kerana jika mereka gagal mereka terpaksa mengulang dan mengambil peperiksaan tersebut sekali lagi.

Rumusannya, guru pelatih mementingkan tugas kerja kursus disiapkan secara kumpulan dan yang berkaitan dengan peperiksaan serta dapat membantu mereka di alam kerjaya kelak. Arahan tentang tugas kerja kursus ini mestilah terang dan tepat agar guru pelatih boleh menyiapkan tugas dengan baik.

5.2.4 Apakah Sifat-Sifat Peribadi Pensyarah Yang Disukai Oleh Guru Pelatih

Kebanyakan guru pelatih (lebih 90%) mementingkan pensyarah yang sentiasa mendorong dan menasihati guru pelatih serta bersifat penyayang. Mereka juga ingin mempunyai hubungan yang mesra dengan pensyarah. Oleh sebab pensyarah ialah seorang mentor.

pendidik maka guru pelatih memandang tinggi terhadap pensyarah yang berpengetahuan dalam bidang pendidikan guru. Walaupun seseorang pensyarah tidak semestinya berijazah tetapi pensyarah yang ideal mestilah berpengalaman, berpengetahuan dan terus meneroka ilmu dalam pendidikan guru.

Satu hal yang menarik ialah sebanyak 86.7% guru pelatih menganggap bahawa seorang pensyarah yang ideal tidak dipandang dari segi jantina tetapi lebih kepada peranan sebagai seorang pensyarah. Seorang pensyarah yang dapat menyampaikan kuliah dengan bernes, mengurus bilik kuliah dengan cekap dan menjalankan aktiviti tugasan kursus dengan berkesan mendapat lebih perhatian daripada guru pelatih. Lagipun kecekapan berkualah dan personaliti seseorang pensyarah tidak ada hubung kaitnya dengan jantinanya.

Apabila disoal ciri personaliti pensyarah di maktab mereka yang tidak akan mereka teladani (lihat lampiran 2, bahagian 6 soal selidik), guru pelatih telah mengatakan ciri-ciri yang berikut...

- a) pilih kasih.
- b) malas mengajar.
- c) tidak menepati masa.
- d) tidak membala salam.
- e) mementingkan diri dan merendah-rendahkan orang lain.

- f) suka memberi perintah dan menyindir.
- g) suka membebek dan meleter.
- h) merokok.
- i) tidak berpakaian kemas dan selekeh.
- j) suka mencari kesalahan pelajar.

Apabila disoal pula ciri personaliti pensyarah di maktab mereka yang aka mereka teladani pula, guru pelatih telah menyatakan ciri-ciri yang berikut...

- a) bersifat keibuan-bapaan dan penyayang.
- b) rajin dan bertanggungjawab.
- c) mengambil berat tentang pelajarnya.
- d) mesra tetapi bersifat tegas.
- e) adil.
- f) bersemangat dan bertenaga.
- g) boleh dibawa berunding.
- h) menepati masa.

- i) bertimbang rasa.
- j) berpakaian sopan dan kemas.

Ciri-ciri di atas tidak mengikut kepentingan.

Kesimpulannya, seorang pensyarah mestilah mempunyai nilai-nilai murni dan boleh menyesuaikan diri mengikut keadaan serta mempunyai sikap berorientasikan insan.

5.2.5 Apakah Bentuk Hubungan Antara Guru Pelatih Dengan Pensyarah Yang Diingini Di Dalam Dan Di Luar Bilik Kuliah?

Subjek di Maktab Perguruan Seri Kota ini adalah dalam lingkungan umur tahun hingga 30 tahun. Mereka digolongkan sebagai orang dewasa. Maka, sebagai orang dewasa mereka beranggapan perhubungan guru pelatih dengan pensyarah adalah sepele perhubungan di antara dua orang dewasa. Mereka lebih senang jika mereka mempunyai perhubungan yang mesra dengan pensyarah. Mereka juga inginkan pensyarah melibatkan c secara langsung di dalam semua aktiviti kurikulum dan kokurikulum bersama-sama. Hanya semua guru pelatih (90%) menganggap amat penting dan penting perhubungan yang terburuk iaitu pensyarah dan guru pelatih saling menegur ke atas sebarang kesilapan yang dilakukan oleh pihak yang lain. Walau bagaimanapun lebih ramai guru pelatih (90%) suka menebak kesilapan pensyarah daripada guru pelatih ditegur oleh pensyarah jika guru pelatih kurang sopan (86.7%). Jika sikap ego guru pelatih ini diamalkan nescaya hubungan yang mesra antara guru pelatih dengan pensyarah sukar untuk dijalankan.

Kesimpulannya, guru pelatih berasa lebih selesa semasa pemelajaran jika pensyarah dapat menjalinkan perhubungan yang mesra dengan guru pelatih.

5.2.6 Adakah Terdapat Perbezaan Persepsi Terhadap Ciri Pensyarah Yang Ideal Antara Guru Pelatih Lelaki Dengan Guru Pelatih Perempuan?

Nampaknya guru pelatih lelaki dan guru pelatih perempuan mempunyai persepsi yang berbeza terhadap ciri-ciri pensyarah yang ideal. Terdapatnya perbezaan yang signifikan antara persepsi guru pelatih lelaki dan guru pelatih perempuan terhadap cara penyampaian kuliah, pengurusan bilik kuliah dan tugasan kursus yang dikendalikan oleh pensyarah. Walau bagaimanapun tiada perbezaan yang signifikan antara guru pelatih lelaki dan guru pelatih perempuan tentang sifat peribadi pensyarah. Ini bermakna guru pelatih lelaki dan guru pelatih perempuan mempunyai persepsi berbeza tentang cara penyampaian kuliah, pengurusan bilik kuliah dan pengendalian tugas kerja kursus. Walau bagaimanapun, guru pelatih lelaki dan guru pelatih perempuan mempunyai persepsi yang hampir sama tentang sifat-sifat peribadi seorang pensyarah.

5.2.7 Adakah Terdapat Perbezaan Persepsi Terhadap Pensyarah Yang Ideal Antara Guru Pelatih Jurusan Sastera Dengan Guru Pelatih Jurusan Sains?

Tidak ada perbezaan yang signifikan antara guru pelatih jurusan sains dan guru pelatih jurusan sastera tentang persepsi mereka terhadap ciri pensyarah yang ideal. Itu bermakna guru pelatih jurusan sains dan guru pelatih jurusan sastera mempunyai persepsi

yang sama tentang cara penyampaian kuliah, pengurusan bilik kuliah, pengendalian tugas kerja kursus dan sifat peribadi seorang pensyarah.

**5.2.8 Adakah Terdapat Perbezaan Persepsi Terhadap Pensyarah Yang Idea
Antara Guru Pelatih Berkelayakan S.P.M. Dengan Guru Pelatih
Berkelayakan S.T.P.M. ?**

Tidak ada perbezaan yang signifikan antara guru pelatih berkelayakan S.P.M dan guru pelatih berkelayakan S.T.P.M. tentang ciri pensyarah yang ideal. Ini bermakna guru pelatih berkelayakan S.P.M. dan guru pelatih berkelayakan S.T.P.M. mempunyai persepsi yang sama tentang cara penyampaian kuliah, pengurusan bilik kuliah, pengendalian tugas kerja kursus dan sifat peribadi seorang pensyarah.

5.3 Cadangan-Cadangan

5.3.1 Penyampaian Kuliah

Pihak pentadbir Maktab Perguruan memberi peluang kepada pensyarah mengikuti kursus dalam perkhidmatan, bengkel dan seminar di dalam dan di luar negeri supaya pengetahuan dan pengalaman mereka dalam bidang penyampaian kuliah sentiasa bertambah dan dikemaskinikan mengikut perkembangan semasa.

Dari semasa ke semasa, pensyarah maktab perguruan diberi peluang mengaj

di sekolah-sekolah agar pensyarah-pensyarah boleh mempraktikkan teori, kaedah dan kemahiran yang diajar di dalam situasi bilik darjah yang sebenar. Pengalaman ini penting supaya mereka tidak sahaja mahir dari segi teori, mereka juga boleh mempraktikkannya di bilik darjah. Pengalaman ini penting untuk diajar kepada guru-guru pelatih.

Langkah-langkah mesti diambil untuk meningkatkan kemudahan fizikal di maktab perguruan. Pusat sumber dan perpustakaan mesti dilengkapskan dengan bahan-bahan bacaan dan rujukan yang terkini. Bilik pensyarah yang selesa dan sesuai juga dapat membentuk tempat kerja yang memberangsangkan.

5.3.2 Pengurusan Bilik Kuliah

Setelah menyampaikan beberapa kuliah dan mengenali guru pelatih, pensyarah boleh mengadakan sesi temubual dengan guru pelatih untuk mendapatkan maklum balas tentang keberkesanan pengurusan bilik kuliahnya. Jika pensyarah mendapati ada kekurangan dalam pengurusan bilik kuliahnya, pensyarah tersebut mestilah segera mengambil langkah-langkah yang wajar agar pembelajaran dapat berjalan tanpa gangguan. Pensyarah juga boleh menempatkan sebuah peti cadangan di luar biliknya untuk mendapatkan maklum balas daripada para pelajar yang tidak ingin besemuka dengan pensyarah.

5.3.3 Tugasan Kerja Kursus

Pensyarah mestilah memberi tugas kerja kursus yang dapat membantu gur

pelatih dalam pengajaran mereka di bilik darjah kelak. Pensyarah mestilah memberi arahan yang tepat dan terang agar guru pelatih tidak teragak-agak menyiapkan sesuatu kerja kursus. Pensyarah juga mestilah memberi masa yang mencukupi bagi guru pelatih menyiapkan kerja kursus. Kerja kursus yang disiapkan mestilah disemak dengan memberi komen oleh pensyarah dan tugasan kerja kursus ini mestilah serta merta dipulangkan kepada guru pelatih. Semua ini boleh dilakukan jika pihak pentadbir maktab mengeluarkan 'check-list' agar tidak berlaku pembaziran masa pensyarah dan guru pelatih.

5.3.4 Sifat Peribadi Pensyarah

Pendidikan perguruan perlu menerapkan dengan lebih konkrit program pemupukan sahsiah yang positif dan nilai moral yang tinggi iaitu pada peringkat awal samada semasa pemilihan bakal-bakal pensyarah atau semasa pensyarah berkhidmat di maktab. Pensyarah juga digalakkan menghadiri kursus bina semangat agar dapat memupuk personal yang menarik dan mempunyai daya kepemimpinan. Kursus-kursus ini boleh mewujudkan dan memupuk nilai-nilai murni pada seorang pensyarah.

5.3.5 Bentuk Hubungan Pensyarah Dengan Guru Pelatih

Pihak pengetua maktab seboleh-bolehnya memestikan hampir semua aktiviti kurikulum yang sesuai yang dijalankan oleh pihak maktab disertai oleh pensyarah. Penglibatan pensyarah secara langsung di dalam kegiatan guru pelatih akan merapatkan perhubungan mereka. Mengikut Bandura (Joyce, Bruce et. al. 1992), manusia belajar dengan

mengikut dan meniru. Apabila pensyarah berinteraksi dengan guru pelatih dalam aktiviti kokurikulum pensyarah akan menonjolkan nilai-nilai murni seperti sikap kerjasama, belas kasihan, jujur dan lain-lain. Guru pelatih akan meniru bentuk personaliti ini. Akibatnya, bentuk personaliti ini akan terbawa-bawa ke bilik darjah di sekolah kelak.

5.4 Cadangan-Cadangan Lain

Pihak tertentu mesti memastikan pensyarah-pensyarah yang diambil layak dan mahir dalam bidang yang akan diajar. Pensyarah yang berkalayakan dan berpengalaman merupakan satu daripada faktor yang penting untuk membentuk guru yang cekap.

Insentif dan kepuasan kerja akan menolong meningkatkan moral pensyarah-pensyarah di maktab perguruan. Di pihak yang lain, kekurangan insentif dan kepuasan kerja sudah tentunya mengurangkan moral pensyarah-pensyarah dan menjadikan profesion ini kurang menarik. Oleh itu pihak kerajaan mestilah mengambil langkah-langkah yang wajar agar tidak melemahkan semangat pensyarah maktab perguruan dengan memberi insentif yang lebih menarik. Pelaburan ini akan membantu meningkatkan profesion perguruan khasnya dan pendidikan negara umumnya.

Kajian ini hanyalah dijalankan di Maktab Perguruan Seri Kota, Kuala Lumpur sahaja maka dicadangkan supaya kajian ini dijalankan di semua maktab perguruan di Malaysia. Tujuan ini ialah untuk melihat sama ada fenomena yang serupa di maktab-maktab lain di Malaysia. Dengan cara ini langkah-langkah tertentu dapat diambil oleh pihak-pihak berkenaan

untuk mempertingkatkan ciri-ciri positif pensyarah.

Akhirnya, kajian ini hanya merupakan laporan penyelidikan sahaja, penyelidikan lain harus dijalankan untuk mengkaji secara lebih empirikal tentang pertalian ciri-ciri pensyarah dengan kecemerlangan akademik guru-guru pelatih.